


TINGKATKAN PEMIKIRAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DENGAN TUJUAN MEMAJUKAN KOPERASI

Nor Fadhilah Mohd

norfadhilah@mkm.edu.my

Pusat Pembangunan Komuniti





Pengenalan

Apabila kita berbicara tentang pemikiran, persoalan yang sering timbul apakah pemikiran seseorang atau sekelompok manusia boleh dikaji dan ditentukan bentuk atau coraknya? Apakah bentuk atau corak pemikiran yang dipilih oleh manusia? Hal ini disebabkan kerana manusia itu unik yang berbilang bangsa, kaum, jantina, tahap pendidikan dan sebagainya yang menuntut manusia mempunyai pelbagai pemikiran yang relevan mahupun tidak.

Zaman akan terus berubah mengikut peredaran masa. Begitu juga dengan pemikiran seseorang yang akan berubah mengikut faktor luaran, dalaman dan sebagainya. Perubahan zaman tentu sekali mencipta pelbagai perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti sosial, politik, ekonomi, pendidikan, rohani dan termasuklah pemikiran. Setiap hari menuntut kita menggunakan akal yang waras dalam melakukan sesuatu perkara atau membuat keputusan sama ada soal peribadi mahupun urusan di tempat kerja.

Pemikiran sering dikaitkan dengan keupayaan seseorang membuat perancangan supaya selari dengan matlamat diri atau pengurusan organisasi. Seseorang individu yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi dan positif secara tidak langsung akan menyebabkan orang sekelilingnya turut mendapat manfaat. Sebagai contoh, seorang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) itu haruslah berfikir dahulu kelebihan dan kekurangan sesuatu idea baharu sebelum mencadangkan ia kepada koperasi, maka secara tidak langsung koperasi itu mempunyai ALK yang mampu memajukan koperasi khususnya.

Definisi Pemikiran

Proses berfikir adalah kecekapan menggunakan akal menjalankan proses pemikiran atau kemahiran berfikir. Seseorang yang memperoleh kemahiran berfikir sanggup dan cekap dalam menyusun perbincangan, konsep atau idea secara teratur dalam membuat kesimpulan atau keputusan yang tepat untuk tindakan yang terarah dan sewajarnya. Pemikiran adalah aktiviti yang dilakukan oleh manusia pada setiap masa. Selain itu, pemikiran secara mudah boleh difahami sebagai apa sahaja yang berlaku dalam minda kita. Pemikiran boleh diistilahkan atau dilabelkan dengan pelbagai perkataan. Antara istilah lain yang sering digunakan untuk menggambarkan perkara yang sama termasuklah akal budi, pandang dunia, minda dan ingatan. Kesemua istilah ini adalah merujuk cara pemprosesan dan pentaksiran pelbagai maklumat. Melalui pemikiran yang dibentuk berdasarkan analisis pelbagai maklumat dan situasi maka secara tidak langsung akan mempengaruhi persepsi, sikap dan seterusnya akan mempengaruhi tingkah laku seseorang. Pemikiran manusia boleh diselidiki melalui pelbagai cara atau kaedah.

Pemikiran atau kaedah berfikir boleh dilihat dalam bentuk yang berbeza iaitu pemikiran kritikal dan tidak kritikal. Pemikiran kritikal ialah proses membuat keputusan secara rasional bagi menentukan sama ada individu itu akan atau tidak akan melakukan atau mempercayai sesuatu perkara (Norris 1985). Pemikiran yang tidak kritikal pula ialah corak pemikiran yang tidak rasional. Golongan ini kebiasaannya mengambil mudah dalam membuat sesuatu perkara tanpa berfikir kesan terhadap sesuatu.

Strategi Berfikir

Edward De Bono (1992), telah mengemukakan satu kaedah berfikir yang dianggap bersifat kritis. Dalam konsep berfikir secara kritikal juga ditekankan supaya berfikir secara menyeluruh dan mendalam. Istilah mendalam bermaksud setiap sudut aspek yang dianalisis akan dilakukan secara teliti. De Bono (1992), ada mencadangkan enam cara untuk berfikir atau menilai sesuatu perkara ia dikenali sebagai '*Six Thinking Hat*' iaitu terdapat enam skema warna topi yang berbeza iaitu topi putih, merah, kuning, hitam, hijau dan biru seperti pada Jadual 1.

Jadual 1: Model Berfikir 'Six Thinking Hat' Edward De Bono (1992)

Warna Topi	Sifat/Ciri Lakuan Berfikir	Kesan Kepada Khalayak	Manfaat
PUTIH	Mengumpul sebanyak mungkin maklumat sebelum mengambil keputusan atau membuat keputusan	Semua pihak diberikan perhatian, dan semua aspek diambil kira	Keputusan tidak dibuat secara terburu-buru iaitu ia dibuat berasaskan maklumat yang lengkap
MERAH	Mengambil kira atau menyelami aspek-aspek emosi sebelum mengambil keputusan atau membuat ketetapan	Aspek emosi khalayak diambil kira dalam pembuatan keputusan	Aspek emosi atau perasaan khalayak telah diberikan perhatian
KUNING	Pemikiran yang memfokus kepada aspek-aspek yang positif bagi sesuatu perkara	Khalayak berkemungkinan besar akan mendapat manfaat atau kesan positif daripada sesuatu keputusan yang dibuat.	Dapat membuat jangkaan tentang kesan positif yang bakal terhasil
HITAM	Pemikiran yang memfokuskan kepada aspek-aspek yang negatif tentang sesuatu perkara	Khalayak berkemungkinan besar akan terhindar daripada kesan negatif daripada sesuatu keputusan yang dibuat	Dapat membuat jangkaan tentang kesan negatif yang bakal terhasil
HIJAU	Pemikiran yang memfokus kepada idea-idea baru atau mutakhir	Khalayak akan mendapat manfaat daripada idea, pemikiran, dapatan atau ilmu baru atau terkini	Mendapat manfaat daripada pelbagai idea, pemikiran, ilmu atau maklumat baru/terkini
BIRU	Pemikiran yang mengarah kepada pembuatan keputusan, menentukan arah @ hala tuju.	Khalayak akan menerima perintah atau arahan yang sepatutnya	Khalayak jelas dengan apa yang sepatutnya dilakukan iaitu mereka terdorong dalam mengambil sesuatu tindakan

i) Topi Putih

Seseorang yang berfikir menggunakan skema topi putih akan berusaha mengumpulkan maklumat sebanyak mungkin daripada situasi sedia ada. Seseorang itu tidak akan membuat apa-apa keputusan awal, sebaliknya mereka akan mengumpul maklumat sebanyak mungkin sebelum membuat sebarang keputusan.

ii) Topi Merah

Berfikir berasaskan skema topi merah ialah bentuk pemikiran yang cuba menyelami aspek emosi bagi sesuatu perkara yang dibincangkan.

Melalui pemikiran yang dibentuk berdasarkan analisis pelbagai maklumat dan situasi maka secara tidak langsung akan mempengaruhi persepsi, sikap dan seterusnya akan mempengaruhi tingkah laku seseorang.

iii) Topi Kuning

Skema topi kuning ialah bentuk pemikiran yang memfokus kepada aspek positif sesuatu perkara.

iv) Topi Hitam

Bentuk pemikiran yang mengambil kira atau memfokus pada hal yang negatif atau yang buruk sebelum mengambil sesuatu tindakan atau sesuatu keputusan

v) Topi Hijau

Bentuk pemikiran yang memfokus kepada mendapat idea atau pemikiran baru tentang sesuatu perkara.

vi) Topi Biru

Skema topi biru ialah pemikiran yang menghala kepada pembuatan keputusan atau menentukan arah atau hala tuju sesuatu perbincangan atau permasalahan.



Dr. de Bono's Six Thinking Hats

Seseorang individu yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi dan positif secara tidak langsung akan menyebabkan orang sekelilingnya turut mendapat manfaat.

Berdasarkan Model Berfikir 'Six Thinking Hat' kaedah ini menumpukan kepada bentuk pemikiran yang menyeluruh dan mendalam. Bagi seorang ALK, kaedah ini boleh dipraktikkan mengikut kesesuaian sesuatu permasalahan yang sedang berlaku di koperasi. Ia dapat membantu ALK dalam membuat sesuatu keputusan secara bijak dan berhemah serta dapat membantu mencapai objektif koperasi. Walau bagaimanapun, ALK diingatkan tidak mempraktikkan kesemua jenis topi secara serentak kerana dikhuatiri akan menyebabkan fikiran berkecamuk dan seterusnya sesuatu permasalahan yang timbul itu tidak

dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Selain daripada konsep yang diperkenalkan oleh Edward De Bono, terdapat juga cara berfikir atau memproses maklumat secara Kaedah Atas ke Bawah dan Kaedah Bawah ke Atas (Foss & Hakes 1978).

i) Kaedah Atas Ke bawah

Semasa seseorang memproses maklumat, pengetahuan yang sedia ada dalam pemikirannya akan menentukan cara sesuatu maklumat atau fenomena ditafsir. Sebagai contoh, salah seorang ALK mempunyai kepakaran di dalam bidang pemasaran secara tidak langsung ilmu pemasaran yang beliau ada dapat diguna pakai di koperasi.

ii) Kaedah Bawah ke Atas

Pemprosesan maklumat adalah dikawal oleh rangsangan yang diterima oleh seseorang individu dan pemprosesan maklumat menurut kaedah ini tidak begitu dikawal oleh

pengetahuan yang sedia ada di dalam ingatan jangka panjang seseorang individu. Sebagai contoh, seorang ALK yang menghadiri sesuatu kursus atau program di mana ia merupakan ilmu baru yang diperoleh dan seterusnya dapat dipraktikkan di koperasi.

Selain itu, pemikiran juga boleh dianalisis menggunakan Kaedah Delphi (Delphi Method), Kaedah Pembinaan Senario (Scenario Building Method) dan sebagainya. (Moniz, António 2005)

i) Kaedah Delphi

Pandangan atau pemikiran ahli-ahli sesebuah kumpulan akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk membentuk suatu pandangan atau pemikiran seperti kumpulan tersebut. Pendapat seseorang ahli kumpulan akan cuba diubah dengan mendedahkannya kepada pandangan umum sesuatu kumpulan. Dengan kata lain, kaedah adalah berteraskan pandangan bahawa pendapat

individu boleh berubah selepas mendengar pendapat orang lain.

ii) Kaedah Pembinaan Senario

Seseorang individu dianggap akan berfikir berasaskan keadaan atau suasana semasa. Pemikirannya juga diandaikan terbentuk berasaskan andaian tentang kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku pada masa akan datang.

Kaedah-kaedah berfikir yang dikemukakan di atas boleh digunakan secara berasingan atau secara bergabung. Sebagai contoh, kaedah pembinaan senario seringkali digunakan secara bergabung dengan kaedah Delphi. Kaedah-kaedah di atas juga boleh digunakan untuk menilai pemikiran seseorang individu, sesebuah kumpulan atau masyarakat.

Dalam kehidupan harian, cara berfikir membantu kita mengelakkan daripada melakukan kesilapan semasa membuat keputusan. Semua orang harus membuat keputusan daripada yang perihai kecil seperti baju mana yang perlu dipakai kepada perihai yang besar seperti rumah apa yang mesti dibeli. Lazimnya keputusan kita dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Contoh faktor dalaman adalah sikap, persepsi, konsep diri dan kepintaran. Contoh faktor luaran adalah orang-orang di sekeliling kita, peraturan, undang-undang dan keadaan persekitaran. Kadangkala faktor-faktor ini menyebabkan kita menerbitkan keputusan-keputusan

yang salah. Keyakinan diri yang rendah contohnya mendorong kepada keputusan-keputusan yang merugikan. Sebagai contoh, seorang ALK yang kurang yakin dengan idea baharunya mungkin akan memberi kesan kepada kemajuan koperasi mereka. Hal ini disebabkan kerana mereka telah membuat persepsi negatif sebelum melakukan sesuatu perkara baru walhal perkara itu mungkin akan meningkatkan pendapatan koperasi mereka.

Orang di sekeliling kita juga mempengaruhi keputusan yang kita buat sama ada secara langsung atau tidak. Dengan mengaplikasikan strategi-strategi berfikir secara kritis seperti menimbang sesuatu menyeluruh dengan minda yang terbuka dan menilai kejituan sesuatu hujah dapat membantu kita lebih yakin dengan apa yang kita lakukan dan membawa kepada keputusan yang lebih berkesan berdasarkan bukti-bukti yang konkrit dan jelas.



Kesimpulan

Pemikiran dan tingkah laku ialah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan. Ini disebabkan perlakuan manusia normal adalah dikawal oleh pemikirannya. Keputusan untuk melakukan sesuatu perlakuan atau tindakan terhasil selepas pemikiran seseorang telah memutuskannya. Namun, tidak ada satu cara berfikir yang benar-benar sesuai untuk semua perkara tetapi hendaklah dipilih mengikut kesesuaian keadaan. ALK merupakan aset utama dalam sesebuah koperasi di mana cara mereka berfikir adalah amat penting bagi membuat penambahbaikan dalam memajukan koperasi. ALK yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi mampu menghindarkan pelbagai masalah dan konflik yang tidak diingini di koperasi. Secara tidak langsung ia dapat mencapai misi dan visi sesebuah koperasi untuk terus maju pada masa akan datang.